

## SYARAT PERMOHONAN

- 1 Warganegara Malaysia
- 2 Telah disahkan oleh pakar perubatan/pegawai perubatan Kerajaan atau pakar perubatan/pengamal perubatan swasta yang berdaftar dengan National Specialist Register of Malaysia (NSR)/ Malaysia Medical Council (MMC)

\* Bagi OKU jelas (kudung tangan/kaki, kudung ibu jari tangan/kaki atau kehilangan mana-mana 2 jari tangan/kaki) boleh disahkan oleh Penolong Pendaftar di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah/Jajahan/Bahagian


## DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

- i Borang Perkhidmatan Jabatan Kebajikan Masyarakat
- ii Borang Permohonan Pendaftaran OKU - BPPOKU (Pindaan 2019)
- iii Salinan MyKad / My Kid / surat beranak
- iv Salinan Kad OKU Lama (bagi kes pendaftaran semula)
- v Sekeping gambar berukuran pasport bagi pemegang MyKid dan surat beranak
- vi Laporan perubatan yang berasingan (jika berkenaan)

## CARA MEMOHON

Permohonan pendaftaran OKU boleh dibuat di mana-mana Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah/Bahagian/Jajahan atau secara dalam talian dengan menggunakan **Borang Permohonan Pendaftaran OKU (BPPOKU) Pindaan 2019** melalui **sesawang [www.jkm.gov.my](http://www.jkm.gov.my) atau [www.oku.jkm.gov.my](http://www.oku.jkm.gov.my)**

## CARTA ALIRAN: PERMOHONAN PENDAFTARAN ORANG KURANG UPAYA (OKU)



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

**PENDAFTARAN  
ORANG KURANG UPAYA (OKU) DAN  
KEISTIMEWAAN  
KEPADA OKU BERDAFTAR**

Jabatan  
**KEBAJIKAN**  
Masyarakat



**JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT**  
Aras 6, 9-18, No. 55, Persiaran Perdana, Presint 4,  
62100 Putrajaya  
Tel: +603 8323 1656 / +603 8323 1658  
Faks: +603 8323 2045

facebook.com/pages/JKMHQ

twitter@JKMHQ

instagram@jkmhq

15999



TALIAN  
Kasih

## DEFINISI

OKU termasuklah mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat

## PENDAFTARAN OKU

Pendaftaran Orang Kurang Upaya (OKU) dibuat secara sukarela. Agensi yang terlibat dalam pendaftaran adalah Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Kementerian Kesihatan Malaysia. Pendaftaran OKU hendaklah dibuat di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah/Jajahan/Bahagian.

## OBJEKTIF

1

Untuk mengetahui bilangan, taburan dan kategori OKU di negara ini bagi maksud merancang program dan perkhidmatan berkaitan dengan pencegahan, pendidikan, habilitasi dan rehabilitasi serta latihan

2

Untuk merancang penyediaan kemudahan yang bersesuaian dengan keperluan OKU

3

Untuk membolehkan OKU yang berdaftar mendapat perkhidmatan yang bersesuaian dengan keperluan berdasarkan tahap kefungsiannya / ketidakupayaan mereka

## KATEGORI ORANG KURANG UPAYA (OKU)



OKU Fizikal

OKU Penglihatan



OKU Pendengaran

OKU Pertuturan



OKU Mental

OKU Pelbagai

Lebih daripada satu kategori ketidakupayaan



OKU Pembelajaran

1. *Global Development Delay (GDD)*
2. *Attention Deficit Hyperactivity Disorder (ADHD)*
3. Intelektual
4. Autisme
5. Sindrom Down
6. *Specific LD*

(Bagi kategori OKU pembelajaran, sub kategori akan dicetak pada kad OKU yang dikeluarkan)

## KEMUDAHAN DAN KEISTIMEWAAN OKU BERDAFTAR

- Peluang Pemulihan/Latihan di Institusi Pemulihan/Latihan, Bantuan Kewangan, Alat Sokongan dan Khidmat Kaunseling JKM  
Silalah layari laman web: [www.jkm.gov.my](http://www.jkm.gov.my)
- Pengurangan Kadar Lesen Kenderaan Motor Tanpa Ubahsuai dan Ubahsuai  
Silalah layari laman web: <http://www.jpj.gov.my/web/main-site/jpj2u>
- Kemudahan Pengurangan Tambang Pengangkutan Awam  
Silalah layari laman web:
  - <http://rapidkl.com.my>, <http://www.ktmb.com.my>,
  - <http://www.malaysiaairline.com> untuk maklumat
- Program Pendidikan Nasional, Bantuan Kewangan Pelajar OKU di Sekolah  
Silalah layari laman web: <http://www.moe.gov.my>
- Bantuan Kewangan Pelajar OKU di IPT  
Silalah layari laman web [https://mohe.gov.my/bk\\_oku](https://mohe.gov.my/bk_oku)
- Saluran khas bagi pengambilan OKU di IPTA  
Silalah layari laman web <http://www.mohe.gov.my>
- Pengecualian Bayaran dan Pembaharuan Daftar Syarikat  
Silalah layari laman web: <http://www.ssm.com.my>
- Kemudahan dan Galakan Pelepasan Cukai Pendapatan  
Silalah layari laman web: <http://e.hasil.org.my>
- Potongan Harga 20% Pembelian Rumah daripada SPNB  
Silalah layari laman web: <http://www.spnb.com.my>
- Pengecualian Bayaran Membuat MyKad, Carian Sijil Kelahiran atau Sijil Kematian  
Silalah layari laman web: <http://www.jpn.gov.my>
- Peluang Pekerjaan OKU dan Skim Bantuan Galakan Perniagaan OKU (SBGPOKU)  
Silalah layari laman web: <http://www.jtksm.gov.my>
- Pengecualian Duti Import Alat Ganti Alat Tiruan /Sokongan dan Pengecualian 100% Duti Eksais Kenderaan OKU  
Silalah layari laman web: <http://www.treasury.gov.my>
- Pencen Terbitan Seumur Hidup kepada Anak OKU dan Waktu Bekerja Anjal  
Silalah layari laman web: <http://www.jpj.gov.my>
- Hadiah Sukan Negara bagi Atlet Paralimpik  
Silalah layari laman web: <http://www.nsc.gov.my>
- Pengecualian Bayaran Dokumen Perjalanan (Pasport)  
Silalah layari laman web: <http://www.imi.gov.my>
- Produk Perlindungan Takaful - Agro Nurani  
Silalah layari laman web <http://www.agrobank.com.my>
- Pelan Insurans Hayat - Allianz Ability Life  
Silalah layari laman web <http://www.allianz.com.my>